



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

SEMESTER 1

SIDANG 2018/2019

PPK102 : PERKEMBANGAN DAN PEMBELAJARAN INSAN

TAJUK LAPORAN :

REFLEKSI BERDASARKAN FILEM ISYARAT CINTA

NAMA : MOHAMAD NUR IRFAN BIN MAT NOOR

NO MATRIK : 142591

NO I/C : 981010-11-5399

NAMA PENSYARAH :

PROF MADYA DR. ASWATI

TARIKH PENGHANTARAN : 7 DISEMBER 2018

Sinopsis Filem Isyarat Cinta

Filem Isyarat Cinta merupakan sebuah filem yang telah ditayangkan pada 19 Mac 2015 dengan usaha terbitan oleh RK Screen Sdn. Bhd dibawah arahan Bade Hj. Azmi. Filem durasi selama 92 minit ini mengisahkan tentang konflik percintaan antara pasangan Orang Kelainan Upaya (OKU) iaitu diantara pasangan dengan masalah penglihatan (buta) dengan pasangan dengan masalah pendengaran (pekkak). Filem ini boleh dikatakan berjaya dan dapat menyentuh hati penonton adalah disebabkan oleh pelakon yang berbakat yang memberikan impak yang berkesan dalam menjayakan filem dengan memenuhi kriteria yang dapat menawan hati penonton dengan aspek-aspek tertentu yang telah diterapkan didalam filem ini dengan jayanya. Antara pelakonnya ialah Adi Putra yang memegang watak sebagai Iskandar merupakan seorang jejaka yang mengalami masalah pendengaran, manakala pasangannya pula ialah Liyana Jasmay yang membawa peranan sebagai Dhia iaitu seorang gadis yang mempunyai masalah penglihatan dengan penampilan yang menarik dan menawan. Didalam filem ini kisah konflik percintaan diantara mereka mula berputik selepas Iskandar (Adi Putra) seorang jutawan yang sangat rendah diri dan pemalu telah memberanikan diri menyelamatkan Dhia (Liyana Jasmay) dari satu kemalangan jalan raya sehingga berjaya membangkitkan perasaan rasa cinta diantara diri mereka masing-masing. Pada awalnya hubungan mereka dijalinkan dan dibantu oleh orang tengah iaitu Ariel (Fizo Omar) dengan menyampaikan segala luahan Iskandar yang mempunyai masalah pendengaran itu kepada Ariel untuk mencuba menawan hati Dhia. Namun, dalam masa yang sama timbul satu konflik dimana Ariel mula merasakan perasaan suka dan cinta terhadap Dhia yang akhirnya menimbulkan banyak konflik didalam filem ini selepas itu. Dalam masa yang sama juga Ariel masih menjalinkan perhubungan dengan kekasihnya iaitu Lina (Bae Rameshan) yang telah membawa kepada konflik diantara cinta mereka tersebut.

Disamping itu, banyak tafsiran telah ditafsirkan oleh pengkaji mengenai filem Isyarat Cinta ini. Filem Isyarat Cinta ini merupakan sebuah filem yang berunsurkan percintaan yang penuh dengan kematangan sebagai seorang dewasa serta perkaji turut akui bahawa hati dan perasaan pengkaji tersentuh sehingga berjaya membuatkan titisan air mata dapat dialirkkan selepas menonton filem ini terutama pada babak-babak pengakhiran filem ini. Pengkaji merasaakan setiap pelakon yang telah berkerjasama dalam menjayakan filem ini terutama sekali adalah Islandar. Watak Iskandar ini adalah seorang lelaki kaya yang sudah terlalu biasa oleh Adi Putra dalam memikul watak ini dan secara tidak langsung imej itu sudah kekal pada diri Adi Putra. Akan tetapi, kali ini ia sangat berbeza kerana emosi Iskandar itu bukan hanya dirasai ketika dia berhadapan dengan Dhia yang menjadi wanita pujaannya tetapi konflik yang perlu dihadapi ketika dengan Ariel sehingga dia sanggup melakukan pengorbanan terbesar dalam hidupnya demi kasih sayangnya kepada Ariel. Selain itu, di sini juga, pengkaji melihat bagaimana watak Iskandar itu sememangnya sangat berkesan dibawakan oleh Adi Putra menerusi bahasa tubuhnya dan permainan matanya yang membuatkan kita merasai apa yang terbukti di hatinya. Dalam filem ini, pengkaji dapat kategorikan Fizo Omar sebagai stereotaip. Namun, dalam *Isyarat Cinta*, pengkaji mula nampak Fizo yang cuba untuk lari dan keluar daripada kepompong itu dan cuba untuk memeperoleh cintanya. Pengkaji merasakan watak Ariel itu sememangnya bersesuaian dengan diri Fizo Omar sendir Lantaran itu, pengkaji turut boleh merasai emosi dan pergolakan jiwanya berhadapan dengan konflik antara wanita yang disayanginya dan abang yang sudah dianggapnya sebagai saudara angkatnya sendiri. Namun begitu, pengkaji juga tertarik kepada lakonan Ismail Yaacob sebagai Pak Din iaitu bapa kepada Dhia. Wataknya sebagai seorang bapa yang penyayang dan bertimbang rasa serta rasional

melengkapkan lagi konflik kepada jalan cerita Isyarat Cinta. Watak tersebut telah digambarkan sebagai seorang bapa yang berfikiran moden namun, masih mempunyai pegangan tersendiri dengan berpegang teguh kepada agama dan adat resam yang ada didalam filem Isyarat Cinta ini.

Masalah Pendengaran Watak Utama (Iskandar)

Dalam filem ini Iskandar iaitu Adi Putra yang memegang watak sebagai seorang yang masalah pendengaran. Istilah "pekkak dan tuli" seringkali digunakan bagi merujuk kepada kumpulan kanak-kanak yang mengalami kehilangan pendengaran teruk dan sangat teruk. Istilah-istilah ini menimbulkan kekeliruan sehingga masyarakat mentafsirkannya dengan pelbagai maksud dan makna. Tambahan lagi, istilah-istilah ini membawa satu stigma yang negatif dan kurang disenangi oleh masyarakat (Ling, 1989). Oleh yang demikian, istilah 'bermasalah pendengaran' digunakan untuk menggantikan istilah "pekkak", "cacat pendengaran", "tuli" dan "pekkak bisu". Istilah bermasalah pendengaran lazim digunakan oleh pihak perubatan (klinikal) dan pendidikan kerana kanak-kanak yang dilabel sebagai pekkak adalah tidak pekkak sepenuhnya kerana mereka masih mempunyai sisa pendengaran yang masih ada pada setiap individu (Clark, 1999). Menerusi filem Isyarat Cinta ini, Iskandar tidak dapat bercakap tetapi beliau meminta tolong Ariel sebagai orang tengah untuk menyampaikan sesuatu kepada Dhia.

Masalah Penglihatan Watak Utama (Dhia)

Selain itu, Dhia iaitu Liyana Jasmay yang memegang watak sebagai seorang yang bermasalah penglihatan. Masalah penglihatan merujuk kepada keadaan masalah yang melibatkan fungsi sebagai deria penglihatan. Secara umumnya, masalah penglihatan boleh dikategorikan kepada dua kategori yang utama, iaitu 'buta' dan 'rabun' atau 'berpenglihatan terhad' (Asiah, 2012). Mereka yang dikategorikan sebagai buta biasanya tidak mempunyai penglihatan langsung, dan jika mempunyai penglihatan sekalipun, keadaannya amat terhad untuk digunakan sebagai saluran untuk mendapatkan maklumat apatah lagi untuk tujuan pembelajaran. Justeru, mereka memerlukan "Braille" sebagai media bacaan ataupun khidmat 'pembaca' untuk mendapatkan maklumat daripada bahan bercetak. Istilah 'buta' boleh didefinisikan secara undang-undang atau pendidikan. Menerusi filem Isyarat Cinta ini, pada awalnya penglihatan Dhia adalah dalam keadaan dengan permasalahan penglihatan tetapi selepas itu Dhia telah menjalani beberapa rawatan susulan sehingga beliau berjaya menjalani pembedahan dan seterusnya dengan kepakaran teknologi klinikal terkini dan berkat doa kepada tuhan Dhia boleh melihat seperti orang normal yang lain walaupun sedikit kabur pada mulanya.

Watak Normal (Ariel)

Seterusnya ialah Ariel iaitu Fizo Omar yang memegang watak sebagai adik angkat kepada Iskandar dan merupakan seorang yang tidak mempunyai masalah kecacatan dan normal. Ariel dapat memahami setiap satu persatu apa yang sering dikatakan oleh Iskandar dalam meluahkan isi hati dia kepada Dhia. Ariel juga sering menolong abang angkatnya iaitu Iskandar dengan menjadi orang perantara untuk berkomunikasi dengan Dhia yang tidak dapat melihat. Ariel mempunyai kekasih yang bernama Lina kan tetapi dalam masa yang sama juga, timbul satu lagi perasaan baru iaitu dimana lama kelamaan, Ariel mula menyukai Dhia yang merupakan perempuan yang Iskandar jatuh cinta. Maka, setelah timbul perasaan yang berbelah bagi antara cintanya kepada Dhia dan juga cintanya kepada abangnya serta kekasih lamanya iaitu Lina, disebabkan itu bermulalah konflik perasaan dan emosi dalam diri Ariel didalam filem ini.

A. REFLEKSI YANG TERDAPAT DALAM FILEM ISYARAT CINTA

KOGNITIF

Teori Jean Piaget adalah salah satu teori yang menjelaskan bahawa bagaimana seseorang itu dapat beradaptasi dan menginterpretasikan objek dan kejadian-kejadian sekeliling untuk disimpan di dalam ingatan mereka. Dalam filem ini teori perkembangan kognitif terbahagi kepada dua iaitu perkembangan kognitif bagi masalah penglihatan dan kognitif bagi masalah pendengaran. Bagi kognitif masalah penglihatan mereka akan mengalami tahap pemikiran yang lemah kerana sebanyak 80% ilmu pengetahuan dan pengalaman didapatkan melalui penglihatan. Manakala bagi kognitif masalah pendengaran pula perkembangan kognitif mereka akan terganggu dengan ketidakhadiran pelbagai gaya dan cara pertuturan kerana mereka tidak dapat mendengar. Walaupun terdapat bahasa isyarat, namun ianya tidak dapat memberikan makna yang kompleks seperti di dalam pertuturan manusia. Aspek kognitif yang diambil kira ialah pencapaian dalam bidang akademik, perkembangan literasi, perkembangan bahasa dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Lantaran itu, menerusi Filem Isyarat Cinta, perkembangan kognitif berlaku apabila Ariel membawa Dhia ke Cameron Highland dan mengajar Dhia memetik, memegang dan merasa buah strawberi. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui sentuhan Dhia mampu mengingat sesuatu yang dia pegang disamping merasakan suasana di Cameron Higland yang akan menjadi satu ingatan yang indah dikenang baginya. Seterusnya Dhia juga mengeluarkan reaksi terhadap rasa buah yang dimakannya kerana buah strawberi tersebut adalah masam. Selain itu, menerusi babak lain juga, kita dapat bahawa perkembangan kognitif juga berlaku apabila Ariel yang dapat memahami Bahasa isyarat yang digunakan abangnya, Iskandar kemudian menyampaikan kembali pesanan tersebut kepada Dhia.

BAHASA (KOMUNIKASI)

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996: 87), bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu yang lain dan sebagainya). Disamping itu, bahasa merupakan satu bentuk atau cara manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain sama ada berkomunikasi menggunakan bahasa melalui suara bunyi ataupun menggunakan bahasa isyarat. Dalam Filem Isyarat Cinta terdapat dua masalah iaitu penglihatan dan pendengaran. Bagi mereka yang mempunyai masalah penglihatan iaitu Dhia di dalam filem ini kehilangan deria penglihatan menyebabkan berlakunya gangguan terhadap perkembangan bahasa mereka dimana penguasaan bahasa mereka lemah akibat daripada kesukaran membaca dengan jelas da sempurna. Akan tetapi tahap bahasa dalam komunikasi mereka adalah dalam keadaan yang baik. Manakala bagi masalah pendengaran yang dihadapi oleh Iskandar pula dia menggunakan kaedah bahasa isyarat dalam berkomunikasi dengan orang disekitarnya. Penggunaan bahasa isyarat mampu memudahkan seseorang yang mempunyai masalah pendengaran berkomunikasi untuk menyampaikan hasrat mahupun matlamat diri sendiri dalam kehidupan seharian. Lantaran itu, menerusi Filem Isyarat Cinta, Iskandar yang mempunyai masalah pendengaran sering membaca surat khabar untuk mengetahui hal-hal semasa. Selain itu juga Ariel iaitu adik Iskandar juga sering mempelajari bahasa-bahasa isyarat untuk memahami apa yang hendak disampaikan oleh abangnya, Iskandar. Hal ini menunjukkan perkembangan bahasa pada watak normal iaitu Ariel. Selain itu, Iskandar komunikasi dengan cara menggunakan bahasa isyarat sebagai bahasa komunikasinya untuk memberitahu Ariel hasrat dan kemauan dirinya serta perasaan cintanya kepada Dhia. Ariel yang selama ini mempelajari tentang bahasa isyarat mampu memahami apa yang ingin disampaikan

oleh abangnya itu. Hal ini membuktikan walaupun berlainan cara dalam penggunaan bahasa untuk berkomunikasi, namun perkara yang disampaikan adalah tetap sama dan mempunyai nilai atau maksudnya tersendiri tetapi bergantung kepada individu dapat memahami mahupun tidak mesej yang disampaikan oleh mereka yang berkenaan terutamanya mereka golongan khas.

SOSIAL EMOSI

a) Attraction

Menerusi Filem Isyarat Cinta, antara bentuk-bentuk tarikan yang berjaya di tafsirkan didalam filem ini menggunakan Teori Erik Erikson adalah tarikan disebabkan kebiasaan atau perasaan keserasian yang disebabkan oleh individu tersebut sudah mengenali ciri-ciri diri masing-masing disebabkan sudah mengenali antara satu sama lain dalam tempoh yang lama. Sebagai contoh, Mastura (adik keluarga angkat Iskandar) telah jatuh cinta dan menyimpan perasaannya kepada Iskandar selama ini. Akan tetapi perasaan yang ditanggung oleh Mastura tidak diketahui oleh Iskandar kerana Iskandar merasakan perhatian yang telah diberikan oleh Mastura kepadanya adalah sekadar perhatian seorang adik kepada abangnya sendiri. Kesan daripada tarikan tersebut, diakhir filem ini, Iskandar dapat menyedari perasaan cinta yang dipendam dan keikhlasan cinta Mastura selama ini kepada dirinya adalah sebuah cinta sejati, kemudian daripada tarikan ini Iskandar telah berkahwin dengan Mastura setelah memikirkannya dan membuat keputusan yang tepat dalam memilih cinta sejati dan cinta sempurna didalam hidup kita ini.

b) The Faces Of Love

Berdasarkan kepada Teori Erik Erikson iaitu ‘Intimacy vs Isolation’ dimana apabila seseorang itu mencapai awal dewasa, mereka akan cuba untuk membina perhubungan dengan lebih rapat antara satu sama lain. Antara elemen yang terpenting pada tahap ini adalah elemen nilai kasih sayang melalui keakraban dalam sesbuah perhubungan tersebut. Menerusi filem Isyarat Cinta, aspek hubungan ini dapat dilihat pada watak utama iaitu Dhia, Iskandar dan Ariel. Iskandar yang meminta bantuan dari adiknya Ariel untuk rapat dan mengenali Dhia. Seterusnya, hubungan yang rapat dapat dilihat pada babak Ariel dan Dhia yang sering keluar bersama. Dalam babak ini juga, dapat disimpulkan bahawa Dhia sangat gembira dan selesa berkawan dengan Ariel setelah mengenali diri Ariel dengan lebih mendalam lagi serta kemudian telah membawa kepada perasaan cinta antar satu sama lain iaitu Ariel dengan Dhia.

c) Falling Out Of Love

Menerusi filem Isyarat Cinta, perhubungan antara Ariel dengan Dhia pada mulanya adalah daripada kawan sehingga mempunyai perasaan cinta dapat dirakan oleh kekasih Ariel pada masa itu iaitu Lina. Ariel pada mulanya hanya bermiat untuk membantu abangnya Iskandar, namun lama-kelamaan perasaan cinta mula berputik didalam hatinya. Perasaan yang mula membuak-buak itu membuatkan Ariel tidak sedar bahawa dia sudah pun mempunyai kekasih pada masa itu. Kesan daripada perkara yang dilakukan oleh Ariel, perhubungan antara mereka mula menjadi goyah dan rapuh disebabkan ketidaksetiaan yang dilakukan oleh Ariel kepada Lina. Disebabkan konflik ini Lina ditinggalkan oleh Ariel dan hubungan cinta mereka selama ini telah musnah disebabkan oleh sifat tidak matang dan tidak setia Ariel. Perkara ini telah membuatkan Lina berasa amat kecewa dan menyakitkan kerana diperlakukan seperti itu oleh orang yang dia sayang walaupun mereka sudah lama bercinta.

FIZIKAL

Menerusi filem Isyarat Cinta, dari segi fizikal pengkaji dapat melihat perkembangan fizikal ketiga-tiga watak utama iaitu Dhia, Iskandar dan Ariel mempunyai ciri-ciri fizikal tubuh badan yang sempurna. Tetapi Dhia dan Iskandar yang merupakan golongan istimewa yang mempunyai masalah penglihatan dan pendengaran, dimana Dhia mempunyai masalah penglihatan iaitu buta manakala Iskandar mempunyai masalah pendengaran iaitu pekak bisu. Walaupun mereka mempunyai masalah dari segi fizikal tersebut, tidak menjadi penghalang bagi mereka dalam melakukan aktiviti dan tugas masing-masing seperti manusia yang normal. Di dalam filem ini masalah fizikal Iskandar iaitu masalah pendengaran dibantu oleh Ariel sebagai perantaraan dalam berinteraksi dengan Dhia. Manakala dari segi kesihatan pula, Dhia menjalani pembedahan pada bahagian mata dan membolehkan Dhia untuk melihat kembali walaupun penglihatannya masih dalam keadaan kabur. Namun, lama kelamaan penglihatan Dhia semakin pulih dan boleh melihat seperti orang normal.

B. KAEDAH DAN CABARAN

i) Kaedah untuk membantu aspek pembelajaran

Kaedah dalam membantu aspek pembelajaran dapat dikaitkan dengan teori pembelajaran Vygotsky. Berdasarkan teori pembelajaran Vygotsky telah menerangkan mengenai konsep “scaffolding” iaitu dimana setiap individu mempunyai had-had perkembangan individu yang tertentu dan berbeza. Setiap individu akan melalui proses pembelajaran dengan bantuan guru dan dibantu oleh rakan-rakan sehingga berjaya menguasai dengan sendiri serta dapat mempraktikkan kembali sesuatu yang telah dipelajari. Proses ini akan berulang-ulang kali sehingga individu tersebut akan mempunyai keyakinan untuk melakukan sesuatu dengan sendiri walaupun masih dengan sedikit bimbingan daripada orang lain yang lebih berpengetahuan. Pada peringkat ini menunjukkan kebolehan menyelesaikan masalah melebihi daripada kebolehan yang kita sedar tantang kebolehan diri sendiri. Pada satu peringkat dimana kita berjaya melakukan aktiviti-aktiviti yang sukar tanpa mengharapkan bantuan orang lain berdasarkan pengalaman masing-masing. Sebagai contoh, semasa Dhia, Iskandar dan Ariel pergi ke Cameron Highland, Ariel sering membantu Dhia yang mempunyai masalah penglihatan dengan menunjukkan arah dan membawa Dhia ke sesuatu-suatu tempat seperti ladang strawberi serta merasa buah strawberi di Cameron Highland.

ii) Cabaran dalam mempraktikkan pendekatan pembelajaran tersebut membantu perkembangan dan pembelajaran individu berkenaan aspek penyesuaian diri dan pendidikan.

Antara cabaran guru dan ibu bapa dalam mempraktikkan pendekatan pembelajaran ialah ketiadaan strategi yang kreatif telah menyebabkan pendekatan yang digunakan untuk mengajar pelajar berkeperluan khas ini tidak berkesan. Menurut Chiam (1992) menyatakan bahawa perhatian yang kurang dan tidak sempurna terhadap intelek akan memerangkap pelajar ini terperangkap dalam kumpulan berpencapaian rendah. Hal ini mungkin disebabkan oleh pengetahuan dan kemahiran guru yang kurang dalam mengendalikan pelajar berkeperluan khas. Oleh itu, guru seharusnya diberikan pendedahan yang banyak untuk menangani perkara ini agar sesi PdP tidak membosankan pelajar berkeperluan khas serta perlulah berfikiran kreatif dengan langkah dan kaedah yang seiring dengan peredaran zaman terkini.